



BAB 15: KORBAN AMALAN MULIA



Binatang Al-An'am

Binatang Al-An'am adalah jenis-jenis binatang berkaki empat yang sah dijadikan korban. Binatang ternakan yang gemuk dan sihat lebih afdal untuk dijadikan korban. Dalam Islam, perintah ibadat korban telah dinyatakan oleh Allah S.W.T. melalui firman-Nya dalam surah Al-Kauthar yang bermaksud:

“ Hendaklah engkau mengerjakan solat kepada Tuhanmu dan berkorbanlah kepada-Nya”.



Antara binatang yang sah dijadikan korban termasuklah lembu, kerbau, kambing, biri-biri, unta, dan kibas. Yang berikut adalah syarat-syarat sah ibadat korban:



- 1 Mengorbankan binatang ternakan seperti lembu, kambing, biri-biri, kerbau, kibas, dan unta.
- 2 Tidak terdapat sebarang kecacatan yang dapat mengurangkan dagingnya.
- 3 Mengorbankan binatang yang sudah cukup umur.
- 4 Niat berkorban kerana Allah S.W.T..
- 5 Melakukan sembelihan pada waktunya.
- 6 Disembelih oleh orang Islam atau ahli kitab.
- 7 Mengikut syarat-syarat sembelihan.

Antara golongan yang dituntut melakukan korban termasuklah orang Islam, merdeka, baligh dan berakal, berkemampuan, dan bermukim. Hukum melakukan korban adalah sunat muakkad bagi orang Islam yang mampu dan wajib bagi yang bernazar.



Jadual di bawah menunjukkan jenis-jenis binatang ternakan iaitu biri-biri atau kibasy, kerbau dan lembu, unta, dan kambing yang sah dijadikan korban beserta syarat cukup umurnya.

Jenis Binatang Ternakan	Syarat Cukup Umur
	1 tahun atau lebih atau telah berganti gigi
	2 tahun atau lebih
	2 tahun atau lebih

Jenis Binatang Ternakan	Syarat Cukup Umur
	5 tahun atau lebih
	2 tahun atau lebih

